

PROF. KAMARUZAMAN JUSOFF SAMPAIKAN KULIAH DI UNIVERSITI OMAN

Oleh: MUHAMMAD ZULHISHAM

MUSCAT, OMAN: College of Engineering, Sultan Qaboos University (SQU), Muscat, Oman telah menjemput Ketua Pusat Pertanian Tepat dan Remote Sensing Biosumber (PPTRSB) Prof. Kapt. Dr. Kamaruzaman Jusoff untuk memberi kuliah awam bertajuk “Development RS/GIS” kepada College of Engineering dalam membincangkan pembangunan Remote Sensing / GIS di SQU.

Beliau juga telah dibawa untuk membuat kunjungan hormat kepada TNC (Akademik), Prof. Vincent McBrierty bagi membincangkan projek-projek penyelidikan dan pembangunan

Remote Sensing / GIS untuk Sultanate of Oman.

Pada kesempatan itu, beliau turut menyampaikan cenderahati kepada TNC (Akademik) SQU bagi pihak Naib Canselor, UPM.

Jemputan ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan di arena antarabangsa kepada beliau khususnya dan Universti Putra Malaysia (UPM) amnya dalam bidang Remote Sensing / GIS.

Diakhiri sesi lawatan, Profesor Kamaruzaman di bawa melawat kawasan sekitar bandar Muscat bagi melihat kemajuan-kemajuan pembangunan yang dicapai oleh negara pengeluar minyak itu.

Selain itu, beliau juga telah mendapat jemputan untuk memberi seminar bertajuk “Remote Sensing / GIS Research & Development Agriculture in Malaysia” untuk pegawai-pegawai kanan NRSC (Infoterra Ltd), UK.

Beliau juga telah dibawa untuk melihat pengendalian projek-projek penyelidikan Remote Sensing yang menggunakan data “hyperspectral Imaging”.

Beliau juga mengambil kesempatan untuk berbincang dengan Pengarah Pusat NRSC Infoterra Ltd, Dr. Giles D’Souza mengenai usaha-usaha penyelidikan RS/GIS diantara UPM dengan NRSC.